

TINJAUAN PENYELIDIKAN FATWA DI MALAYSIA: KAJIAN PANGKALAN DATA DALAM TALIAN MENGGUNAKAN SCOPUS

MOHD HARIFADILAH ROSIDI

Calon PhD Syariah dan Kehakiman

Universiti Sains Islam Malaysia

harifadilahrosidi@gmail.com

AHMAD WIFAQ MOKHTAR

Professor Madya Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Universiti Sains Islam Malaysia

wifaq@usim.edu.my

MOHD NASIR ABDUL MAJID

Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Universiti Sains Islam Malaysia

nasirmajid08@usim.edu.my

ABSTRAK

Fatwa berperanan untuk menyelesaikan masalah baru yang timbul dalam kalangan masyarakat Muslim. Makalah ini meringkaskan penyelidikan Fatwa di Malaysia. Pangkalan data dalam talian Elsevier's SCOPUS telah diakses bagi tujuan tersebut. Penerbitan yang berkaitan dengan Fatwa dari tahun 2010 hingga 2020 telah diteliti. Hasilnya menunjukkan peningkatan trend penyelidikan dan pengembangan fatwa di Malaysia. Hasil carian mengenal pasti dan meneliti 28 penerbitan artikel asal. Diharapkan hasil kajian ini dapat menjadi titik tolak bagi para penyelidik mengenai penyelidikan dan pengembangan fatwa di Malaysia. Hasil kajian ini dapat membantu penyelidik fatwa di Malaysia untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan halangan ke arah peningkatan aktiviti penyelidikan fatwa di Malaysia.

Kata kunci: *Fatwa, Malaysia, Penerbitan; Pangkalan Data dalam Talian, Scopus*

PENDAHULUAN

Secara umum, fatwa merujuk kepada pernyataan atau jawapan para sarjana Islam yang diakui oleh masyarakat keilmuan mereka terhadap persoalan yang dikemukakan (al-Qaradawi, 1988; al-Zuhayli, 1996). Fatwa secara teknikal pula adalah teks atau pernyataan yang dijawab oleh mufti atau penjelasan mengenai undang-undang Syariah mengenai isu-isu tertentu (al-Zaybari, 1995; Rahman, 2002; Gilani, 2011; Ibrahim et al., 2015). Secara teorinya, fatwa adalah sekadar pandangan dan jawapan kepada persoalan berbangkit yang tidak akan dikuatkuasakan; tetapi berdasarkan peruntukan tertentu dalam sistem perundangan di Malaysia, fatwa tersebut didefinisikan sebagai pernyataan mufti yang diwartakan dan diumumkan, yang dapat dikuatkuasakan dan diakui di mahkamah Syariah (Nasohah et al., 2012, Rosidi et al, 2021). Berdasarkan amalan oleh institusi fatwa di Malaysia, fatwa dikategorikan kepada tiga kategori, iaitu fatwa rasmi, fatwa tidak rasmi dan pandangan mufti (Buang, 2000). Fatwa yang diwartakan adalah keputusan bersama mufti dan anggota jawatankuasa fatwa yang telah

mendapat perkenan sultan untuk mewartakan fatwa tersebut. Bagi beberapa negeri, fatwa perlu mendapatkan persetujuan Ahli Dewan Negeri dan Penasihat Undang-Undang Negeri untuk mewartakannya melalui warta kerajaan untuk mengiktirafnya sebagai undang-undang yang mengikat semua umat Islam yang tinggal di negeri itu (Buang, 2000). Sebaliknya, keputusan fatwa bersama namun yang tidak diwartakan dianggap tetap menjadi pandangan mufti untuk rujukan dan pengetahuan undang-undang sahaja tanpa dikuatkuasakan (Nasohah, 2005).

Kewujudan 14 institusi fatwa yang mewakili negeri-negeri di Malaysia yang dipimpin oleh seorang mufti dan sebilangan ahli jawatankuasa fatwa negeri dengan latar belakang dan pengalaman yang berbeza berperanan dalam mengeluarkan fatwa bertujuan menjawab persoalan dan masalah yang ditimbulkan. Perkembangan institusi fatwa seiring dengan perkembangan isu dan masalah masyarakat yang semakin berkembang menjadikan institusi fatwa sebagai platform terpenting dalam memenuhi tuntutan masyarakat Islam (Rahman, 2002). Sehingga hari ini sudah banyak fatwa yang telah diputuskan oleh institusi-institusi fatwa Malaysia. Fatwa-fatwa tersebut merangkumi bidang yang pelbagai. Pembahagian kategori fatwa dan jumlah fatwa yang telah diwartakan dan tidak diwartakan boleh dilihat dalam jadual 1. Walaupun sudah banyak fatwa telah diputuskan dan diwartakan namun kajian mengenai kemajuan aktiviti penyelidikan fatwa di Malaysia masih belum diterokai. Oleh itu, kajian bibliometrik deskriptif mengenai artikel terbitan yang diindeks dalam Elsevier's SCOPUS (Scopus) yang berkaitan dengan fatwa yang terdiri daripada pengarang Malaysia dilakukan untuk mengisi jurang tersebut. Kajian bibliometrik dapat digunakan sebagai alat untuk menggambarkan kemajuan semasa dan juga untuk menjangka perkembangan pada masa hadapan (Song et al., 2015). Scopus dipilih oleh ahli akademik tempatan untuk menerbitkan dalam pangkalan data bibliografi seperti yang ditekankan oleh pengurusan universiti mereka (Zainal & Zainab, 2011). Kajian ini merangkumi kemajuan penyelidikan fatwa di Malaysia antara tahun 2010 dan 2020 seperti yang ditunjukkan di dalam artikel yang diterbitkan dalam jurnal-jurnal Scopus. Hasilnya menunjukkan senarai kedudukan terkini pengarang dan institusi berkaitan yang melakukan kajian penyelidikan berkaitan Fatwa di Malaysia.

Jadual 1: Kategori dan jumlah fatwa di Malaysia

Bil	Kategori	Fatwa	Fatwa tidak Diwartakan
		Diwartakan	
1	Aqidah	208	162
2	Ibadah	10	165
3	Makan dan Minum	3	35
4	Munakahat	15	54
5	Perubatan	10	53
6	Zakat	27	120
7	Pentadbiran	0	3
8	Haiwan	6	25
9	Jenayah	0	6
10	Muamalat/Ekonomi	27	126
11	Pakaian	2	11
12	Sosial/Syariah	64	267
13	Lain-lain	6	51
Jumlah		383	1078

Sumber: Jakim (2021)

METHODOLOGI

Kajian ini dilakukan dengan kaedah mencari dan mengekstrak penerbitan di Scopus yang diterbitkan antara tahun 2010 hingga 2020. Pencarian data kemudiannya dihadkan pada artikel-

artikel dengan afiliasi pengarang yang sesuai dengan nama negara dan alamat institusi di Malaysia. Kajian ini dilakukan dengan mengenalpasti kata kunci yang berkaitan dengan penyelidikan Fatwa. Julat tahunan ditetapkan pula adalah sepanjang tahun hingga tahun terkini iaitu 2021. Kata kunci "fatwa" dimasukkan dalam bidang Judul Artikel, Abstrak dan Kata Kunci dengan 637 hasil dokumen telah keluar. Namun kata kunci yang digunakan tersebut tidak terperinci tetapi mencukupi untuk tujuan kajian. Kemudian pencarian dihadkan dengan menetapkan perkataan "Fatwa" sebagai kata kunci wajib pencarian menghasilkan 112 dokumen selepas tapisan. Saringan data terakhir pula dibuat dengan mengehadkan "Malaysia" sebagai negara kajian menghasilkan 28 dokumen berkenaan dengan penyelidikan fatwa yang perlu dianalisis dalam kajian ini.


Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, Zainuddin dan Radzi (2013) menyimpulkan bahawa 99% pencarian dilakukan dengan hanya melihat kepada tajuk dan abstrak artikel bahkan majoriti hanya akan membaca tajuk penerbitan sebelum memutuskan samada akan membaca penerbitan tersebut ataupun sebaliknya. Disebabkan jumlah akhir dokumen yang disaring adalah sedikit, kajian ini tidak mengehadkan penerimaan dokumen jenis artikel semata-mata sebaliknya menerima juga ulasan dan prosiding. Analisis deskriptif data yang dikumpulkan dilakukan untuk menghasilkan maklumat berikut: (a) Jumlah produktiviti penerbitan dalam bidang Fatwa mengikut tahun; (b) Produktiviti institusi tempatan berdasarkan afiliasi penyelidik ; (c) Jurnal yang digunakan oleh penyelidik Fatwa untuk penerbitan; (d) Produktiviti penyelidik secara individu. Pencarian pangkalan data dilakukan pada bulan Januari 2021. Microsoft Excel digunakan untuk menghasilkan senarai penyelidik, institusi dan jurnal penerbitan.. Nama yang berbeza untuk penyelidik yang sama diseragamkan kepada satu nama. Contohnya, Abdullah, L. dan Luqman, A. diseragamkan kepada Abdullah, L.H manakala Khairuldin, W.M.K.F.B.W dan Khairuldin, W.M.K.F.W diseragamkan kepada Khairuldin, W.M.K.F.W.

HASIL KAJIAN

Jumlah produktiviti penerbitan dalam bidang Fatwa mengikut tahun

Sepertimana yang disebut di dalam bahagian metodologi sebelum ini, setelah mengehad pencarian penerbitan fatwa dengan kata kunci wajib "Fatwa" dan Malaysia sebagai AFFILCOUNTRY dalam pencarian, daripada 637 dokumen disaring menjadi 28 dokumen yang berkaitan dengan skop kajian ini. Daripada 28 dokumen tersebut, 26 dokumen didapati ditulis dalam bahasa Inggeris dan dua dokumen lain dalam bahasa Melayu. Jenis dokumen dikenal pasti sebagai artikel asli adalah sebanyak 24 buah artikel, 3 jenis ulasan (review) dan 1 kertas persidangan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.


Rajah 1: Jenis-jenis dokumen



Sumber: Scopus (2021)

Penerbitan kajian fatwa di Malaysia dalam jurnal yang yang diindeks dalam Elsevier's SCOPUS (Scopus) bermula pada tahun 2010 dengan satu penerbitan diterbitkan pada peringkat awal. Berdasarkan statistik yang ditunjukkan oleh Scopus seperti di dalam Rajah 2 tahun 2017, 2019 dan 2020 telah merekodkan penerbitan yang paling banyak sepanjang 10 tahun ini iaitu 5 penerbitan setiap tahun tersebut. Berdasarkan trend semasa adalah dijangkakan bahawa penerbitan jurnal berkenaan fatwa dalam jurnal Scopus akan terus mencatatkan peningkatan.

Rajah 2: Jumlah penerbitan mengikut tahun



Sumber: Scopus (2021)

Produktiviti institusi tempatan berdasarkan afiliasi penyelidik

Daripada 28 penerbitan, penyelidik-penyalidik tersebut berlatarbelakangkan 22 institusi. Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) merangkumi 83% daripada jumlah keseluruhan penerbitan. Ini menunjukkan bahawa IPTA melakukan penyelidikan dalam Fatwa secara aktif. Enam IPTA paling produktif adalah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (16.6% daripada jumlah penerbitan), Universiti Malaya (16.6%), Universiti Kebangsaan Malaysia (11.1%),

Universiti Sultan Zainal Abidin (7.4%), Universiti Sains Malaysia (5.5%) dan Universiti Malaysia Terengganu (5.5%) seperti yang digambarkan dalam Jadual 1. Manakala bagi 16 institusi-institusi lain masing-masing menghasilkan kurang daripada 2 penerbitan.

Jadual 1: Produktiviti institusi tempatan berdasarkan afiliasi penyelidik

Institusi Penyelidik	Penerbitan	Peratus (%)
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	9	16.6
Universiti Malaya (UM)	9	16.6
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	6	11.1
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	4	7.4
Universiti Sains Malaysia (USM)	3	5.5
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	3	5.5
Universiti Utara Malaysia (UUM)	2	3.7
Universiti Brunei Darussalam (UBS)	2	3.7
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)	2	3.7
Universiti Teknologi MARA (UITM)	2	3.7
Rimba	1	1.8
University Battambang (UBB)	1	1.8
WWF	1	1.8
Marquette University	1	1.8
Leiden University	1	1.8
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	1	1.8
University of New Orleans	1	1.8
Universiti Selangor (UNISEL)	1	1.8
Universiti Malaysia Pahang (UMP)	1	1.8
Sunway University	1	1.8
A Rocha International	1	1.8
Emmanuel College	1	1.8
JUMLAH	54	100.0

Jurnal yang digunakan oleh penyelidik Fatwa untuk penerbitan

Terdapat sejumlah 23 judul jurnal yang menyumbang kepada 28 penerbitan dokumen asal dalam penyelidikan fatwa. Jadual 3 menunjukkan senarai- senarai jurnal yang menerbitkan artikel berkenaan penyelidikan Fatwa di Malaysia. Jurnal yang menerbitkan dua (2) artikel berkaitan dan ke atas adalah Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities (4 penerbitan), International Journal of Civil Engineering and Technology (2 penerbitan), dan Science And Engineering Ethics (2 penerbitan). Manakala selebihnya iaitu dua puluh judul jurnal lain hanya menerbitkan satu (1) penerbitan sahaja.

Jadual 2: Judul jurnal yang dikenal pasti dengan jumlah penerbitan dalam penyelidikan Fatwa Malaysia

Judul Jurnal	Penerbitan
Pertanika Journal Of Social Sciences And Humanities	4
International Journal Of Civil Engineering And Technology	2
Science And Engineering Ethics	2
Academy Of Strategic Management Journal	1

Advanced Science Letters	1
Afkar	1
Arab Law Quarterly	1
Archives Of Sexual Behavior	1
Australian Journal Of Basic And Applied Sciences	1
Developing World Bioethics	1
Frontiers In Environmental Science	1
Intellectual Discourse	1
International Journal Of Innovation Creativity And Change	1
International Journal Of Islamic Thought	1
International Medical Journal Malaysia	1
Islamic Quarterly	1
Journal Of Critical Reviews	1
Journal Of Legal Ethical And Regulatory Issues	1
Journal Of Postcolonial Writing	1
Jurnal Komunikasi Malaysian Journal Of Communication	1
Malaysian Journal Of Medical Sciences	1
Middle East Journal Of Scientific Research	1
Turkish Online Journal Of Distance Education	1

Produktiviti penyelidik secara individu

Dua belas pengarang paling produktif telah dikenal pasti dengan jumlah penerbitan seperti berikut; Anas, W.N.I.W.N. (3 penerbitan), Embong, A.H. (3 penerbitan), Isa, N.M. (3 penerbitan), Khairuldin, W.M.K.F.W. (3 penerbitan), Arifin, M. (2 penerbitan), Baharuddin, A. (2 penerbitan), Hassan, SA (2 penerbitan), Ibrahim, B. (2 penerbitan), Ismail, D. (2 penerbitan), Man, S. (2 penerbitan) , Zainuddin, AA (2 penerbitan), dan Abdullah, L.H. (2 penerbitan) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4. Manakala sejumlah 82 penulis-penulis lain telah menerbitkan hanya satu penerbitan masing-masing. Secara kolektif, mereka hanya menghasilkan 0.29 penerbitan setahun.

Jadual 3: 12 Penyelidik paling produktif dengan sejumlah penerbitan dalam penyelidikan Fatwa

Penyelidik	Penerbitan
Anas, W.N.I.W.N.	3
Empong, A.H.	3
Isa, N.M.	3
Khairuldin, W.M.K.F.W.	3
Arifin, M.	2
Baharuddin, A.	2
Hassan, S.A.	2
Ibrahim, B.	2
Ismail, D.	2
Man, S.	2
Zainuddin, A.A.	2
Abdullah, L.H	2

PERBINCANGAN

Kajian ini terhad kepada 28 penerbitan dokumen asli yang dikumpulkan dari Scopus yang merangkumi penyelidikan fatwa di Malaysia semata-mata. Oleh itu, kajian ini tidak meliputi seluruh literatur kajian fatwa yang diterbitkan oleh pangkalan data lain seperti Google Scholar, Web of Science dan jurnal yang tidak diindeks. Namun, kajian ini memberikan tinjauan langsung mengenai ciri-ciri artikel Fatwa Malaysia yang diterbitkan dalam pangkalan data

antarabangsa. Mesin carian Scopus adalah antara alat terbaik yang ada untuk mengesan dan menganalisis petikan dan membandingkan petikan dengan penyelidik dan institusi yang berbeza (Aryati & Willett, 2011; Zyoud, Al-jabi, Sweileh, & Awang, 2014).

Maklumat mengenai trend dan produktiviti menunjukkan hasil penyelidikan berkenaan Fatwa yang telah diterbitkan di SCOPUS yang sangat berguna bagi penyelidik Fatwa untuk menilai prestasi penyelidikan Fatwa di Malaysia untuk merancang kajian selanjutnya. Berdasarkan Rajah 1, hasil penyelidikan berkenaan fatwa di Malaysia mula diterbitkan di Scopus seawal tahun 2010. Menariknya, hasilnya menunjukkan bahawa sebahagian besar penerbitan fatwa ini didominasikan oleh enam universiti awam yang tiga daripadanya telah diiktiraf sebagai universiti penyelidikan oleh kerajaan Malaysia; Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM). 3 buah universiti lain adalah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Telah diketahui umum bahawa penyelidik dari universiti penyelidikan digalakkan untuk menerbitkan artikel dalam jurnal yang diindeks dalam SCOPUS dan penerbitan tersebut perlu dicapai dalam pencapaian tahunan dan kenaikan pangkat. Walau bagaimanapun, universiti-universiti bukan bertaraf penyelidikan tidak memerlukan penyelidik mereka untuk menerbitkan artikel dalam jurnal yang diindeks dalam SCOPUS. Kekurangan jumlah artikel dalam kajian ini memungkinkan penyelidik fatwa lebih suka menerbitkan kajian penyelidikan mereka dalam jurnal selain yang diindeks oleh Scopus. Halangan bahasa menjadi sebab utama kerana penyelidikan Fatwa adalah salah satu bidang pengajian Islam lebih bermanfaat sekiranya ditulis dalam bahasa Melayu, sementara majoriti jurnal yang diindeks di Scopus kebanyakannya hanya menerima artikel di dalam bahasa Inggeris. Hanya terdapat dua artikel yang ditulis dalam bahasa Melayu iaitu "Analisis mengenai fatwa Aqidah dalam filem di Malaysia: Kajian dari tahun 2005-2018" yang diterbitkan oleh Jurnal Komunikasi: Jurnal Komunikasi Malaysia dan "Tuduhan bidaah terhadap amalan masyarakat melayu: A analisis wacana media massa " terbitan Jurnal Aqidah dan Pemikiran Islam (AFKAR).

KESIMPULAN

Makalah ini telah menggambarkan percubaan pertama untuk meringkaskan kemajuan penyelidikan Fatwa di Malaysia menggunakan kaedah bibliometrik deskriptif. Pencarian melalui pangkalan data Scopus telah mengenal pasti sebanyak 28 penerbitan artikel asal yang berafiliasi dengan negara Malaysia dipilih untuk dianalisis. Kajian ini menunjukkan perkembangan aktiviti Fatwa di Malaysia berdasarkan penerbitan artikel di pangkalan data dalam talian yang popular. Berdasarkan kajian tersebut, para penyelidik dan institusi tertentu menonjol secara aktif menjalankan penyelidikan Fatwa. Ini dapat menjadi rujukan para penyelidik di Malaysia untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan halangan ke arah peningkatan penyelidikan Fatwa yang lebih lanjut. Lebih banyak usaha diperlukan untuk merapatkan jurang dalam penyelidikan Malaysia. Kajian perbandingan antara negara-negara yang secara aktif melakukan penyelidikan Fatwa harus dilakukan untuk memperjelas status penyelidikan Fatwa di Malaysia.

RUJUKAN

- al-Qaradhawi, Y. (1988). "*al-Fatwa bayna ak-Indibat al-Tasayyub*". Qaherah: Dar al-Safwah Lilnasyr wa tau zi'. al-Zaybari, A. S. 1995. "*Mabahis fi Ahkam al-Fatwa*". Beirut Lebanon: Dar Ibn Hazm.
al-Zuhayli, W. (1996). "*Usul Fiqh al-Islami*". jil. 2, Beirut: Dar al-Fikr al-Ma'asir .

- Aryati, B., & Willett, P. (2011). Computer science research in Malaysia : a bibliometric analysis. *Aslib Journal of Information Management*, 63(2/3), 321–335. <https://doi.org/10.1108/0001253111135727>
- Buang, A.H. (2000). “Analisis Fatwa-fatwa Semasa Di Malaysia”. Kertas kerja Seminar Kakitangan Jabatan Syariah Dan Undang-undang di APIUM, 9 September 2000.
- Falagas, M. E., Pitsouni, E. I., Malietzis, G. A., & Georgios, P. (2008). Comparison of PubMed, Scopus, Web of Science, and Google Scholar: strengths and weaknesses. *FASEB Journal*, 22(2), 338–342. <https://doi.org/10.1096/fj.07-9492LSF>
- Gilani, S. M. Y. (2011). “Jurists and legislators in Islam: Origins and classification of the ulama”. *Contemporary issues in Islamic Law*. p. 212-234. New Delhi, India: Serial Publications
- Ibrahim, B., Arifin, M. & Abd Rashid, S. Z. (2015). “The Role of Fatwa and Mufti in Contemporary Muslim Society”. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*. Vol. 23 (S). p 315-326.
- Nasohah, Z. (2005). “Undang-Undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia”. *Jurnal Islamiyyat*. Vol 27 (1). p 25-44.
- Rahman, M. N. A., Zain, A.M., Hamid, S.A., Ahmad, K., Paidi, Z. & Dahaman, M. A. (2018). “Antara Fatwa Dan Petua Dalam Masyarakat Melayu: Satu Kajian Penilaian”. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. p 263-271.
- Rosidi, M. H. (2021). Penerimaan Fatwa Dalam Kalangan Masyarakat Muslim Malaysia: Satu Tinjauan Literatur: Acceptance of Fatwa Among Malaysian Muslim Society:A Literature Review. *Journal of Fatwa Management and Research*, 24(1), 45-62. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol24no1.335>
- Salina, Z., & Shaheen, M. (2001). The information needs and seeking behaviour of the IMR biomedical scientists. *Malaysian Journal of Library & Information Science*, 5(1), 25–41.
- Song, W., Jee, H. M., Suh, D. I., Yang, H., Yoon, J., Yu, J., ... Program, S. (2015). Progress and Prospect : A Bibliometric Analysis of Research Papers by Korean Allergists Over Recent Five Years (2009-2013) Quantitative analyses, 7(5), 507–512.
- Zainal, H., & Zainab, A. N. (2011). Biomedical and health sciences publication productivity from Malaysia. *Health Information and Libraries Journal*, 28(3), 216–225. <https://doi.org/10.1111/j.1471-1842.2011.00943.x>
- Zainuddin, Z., & Radzi, H. A. (2013). Examining Islamic Perspectives in Medical Imaging Literature: A Study Involving Scopus Indexed Journals. *Revelation and Science*, 3(2), 39–50. Retrieved from <http://journals.iium.edu.my/revival/index.php/revival/article/view/98>
- Zyoud, S. H., Al-jabi, S. W., Sweileh, W. M., & Awang, R. (2014). A Scopus-based examination of tobacco use publications in Middle Eastern Arab countries during the period 2003 – 2012. *Harm Reduction Journal*, 11(1), 1–9. <https://doi.org/10.1186/1477-7517-11-14>